

14 Mac 2016

Pihak berkepentingan yang dihormati,

Pemberitahuan awam tentang Penilaian Semula Pensijilan RSPO Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. - SOU 23: Ulu Remis, Layang - Layang, Johor, Malaysia

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. telah mengarahkan TÜV Rheinland Malaysia, bagi penilaian dan pensijilan unit pengurusan mereka, SOU 23: Ulu Remis terhadap 'Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)' Prinsip dan Kriteria (P&C) Tafsiran Nasional Malaysia (MY-NI) 2014 dan standard pensijilan rantai pasok 'Supply Chain Certification Standard' 2014. Penilaian ini hendaklah dijalankan oleh pasukan yang berkelayakan juruaudit untuk menilai aspek kepatuhan undang-undang, penjagaan alam sekitar, daya maju ekonomi, kesihatan & keselamatan pekerja dan aspek sosial seperti yang dirangkup dalam RSPO P & C.

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. adalah salah satu unit perniagaan teras dalam Sime Darby Berhad. Aktiviti perniagaan utama mereka terdiri daripada perladangan, perdagangan komoditi, pernapisan dan perniagaan makanan yang beroperasi di Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia. Syarikat ini mengisytiharkan bahawa mereka menguruskan lebih daripada 80,000 hektar ladang kelapa sawit di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Kalimantan, serta beroperasi 8 kilang di kawasan-kawasan ini untuk mengeluarkan minyak sawit mentah. Sime Darby Plantations telah menjadi ahli RSPO sejak 6 September 2004 dengan nombor keahlian 1-0008-04-000-00.

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. mengumumkan untuk makluman orang ramai bahawa SOU 23: Ulu Remis akan dinilai terhadap rangka standard RSPO global. Syarikat ini terletak di Layang-Layang, Johor, Malaysia dan terdiri daripada satu kilang dengan kapasiti 60MT / jam, 6 ladang-ladang milik syarikat sebagai pangkalan bekalan utama kilang yang meliputi 17,096.21ha.

Skop penilaian:

RSPO penilaian pensijilan semula SOU 23: Ulu Remis dijadual untuk bermula dari minggu 18 April - 22 April 2016. Penilaian ini hendaklah dijalankan bagi 1 (satu) kilang kelapa sawit dan 6 (enam) ladang-ladang milik syarikat. Butiran mengenai kilang minyak sawit dan ladang-ladang yang akan dinilai adalah seperti berikut:

Kilang kelapa sawit yang dimasukkan ke dalam skop penilaian*						
Nama kilang	Lokasi	Koordinat GPS		Unjuran Output Tahunan		Kapasiti kilang (Ton/jam)
		Latitud	Longitud	CPO (Ton)	PK (Ton)	
Ulu Remis Palm Oil Mill	P.O. Box 107, 81850 Layang-Layang, Johor, Malaysia	1° 50' 2" U	103° 27' 48" T	55,684	13,169	60

Ladang-ladang yang dimasukkan ke dalam skop penilaian*					
Name ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Keluasan (ha)	Pengeluaran BTS Unjuran (MT)
		Latitud	Latitud		
Tun Dr. Ismail Estate	Renggam	1° 48' 58" U	103° 23' 38" T	4,270.23	37,704.27
Ulu Remis Estate	Layang-Layang	1° 49' 40" U	103° 27' 43" T	2,598.05	37,293.41
Pekan Ropel Estate	Kulai	1° 51' 12" U	103° 34' 56" T	3,229.91	62,266.96
Sembrong Estate	Layang-Layang	1° 84' 28" U	103° 5' 38" T	1,778.88	24,497.09
Bukti Badak Estate	Layang-Layang	1° 86' 7" U	103° 50' 57" T	3,245.14	55,821.54
Cenas Estate	Kulai	1° 86' 7" U	103° 61' 67" T	1,974.00	33,586.85
			Jumlah	17,096.21	251,170.12

*Maklumat di atas adalah seperti yang diisytiharkan oleh syarikat ini dan akan disahkan semasa audit.

Pasukan penilaian

TÜV Rheinland Malaysia adalah ahli TÜV Rheinland Group, sebuah pemimpin global dalam perkhidmatan pengujian dan penilaian bebas, dan pejabat pengauditan RSPO yang diluluskan oleh PT TÜV Rheinland Indonesia yang bertindak sebagai badan pensijilan RSPO bertaualiah dalam TÜV Rheinland Group. Ditubuhkan pada tahun 1872, TÜV Rheinland Group mempunyai lebih daripada 130 tahun pengalaman dalam pelbagai perkhidmatan persijilan serta perkhidmatan teknikal untuk lebih daripada 500 lokasi di 65 negara seluruh dunia.

Pasukan penilai yang akan menjalankan penilaian pensijilan semula Sime Darby Plantation - SOU 23: Ulu Remis adalah seperti berikut:

Ketua audit: Carol Ng Siew Theng (Amalan pertanian baik, nilai konservasi tinggi, pengurusan gas rumah hijau, sosial, Rangkaian Bekalan (Supply Chain))
Juruaudit: Azizan Zakaria (Alam Sekitar, SOP dan Perundangan), Yusof Khairan Nizar (Perundangan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan kimia, latihan), Dr. Savinder (Pekerja, Sosial, Masyarakat Tempatan dan Pihak Berkepentingan Luar),

Jemputan kepada semua pihak yang berkepentingan:

Sebagai sebahagian daripada prosedur penilaian pensijilan semula kami menjemput pihak berkepentingan untuk komen dan maklum balas (jika ada) ke atas Sime Darby Plantation - SOU 23: Ulu Remis berhubung dengan Prinsip dan Kriteria RSPO yang berkaitan seperti P & C Tafsiran Nasional Malaysia RSPO (MY-NI) 2014 yang terkait dengan mana-mana isu-isu berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemuliharaan Biodiversiti
- Peluang pekerjaan, pendapatan gaji yang adil, kerja lebih masa dan kerja 'piece-rated'
- Perkembangan masyarakat
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pembangunan Komuniti
- Proses pengambilan tanah
- Keizinan yang dimaklumkan terlebih dahulu
- Lain-lain yang berkaitan dengan RSPO

Komen atau pemerhatian anda dapat disampaikan kepada kita melalui sama ada pertemuan dengan ahli pasukan penilaian semasa audit di lapangan atau melalui penghantaran komen melalui e-mel, faks atau surat biasa ditulis kepada butiran kontak di bawah. Komen yang dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan ini akan diambilkira dalam penilaian pensijilan. Walau bagaimanapun, input anda akan dialu-alukan di mana-mana peringkat proses penilaian. Melainkan anda meminta sebaliknya, komen-komen ini akan dirahsiakan dan disediakan kepada hanya TÜV Rheinland dan Lembaga RSPO.

Butiran orang hubungan:

Pejabat Pengauditan RSPO:

TUV Rheinland Malaysia Sdn. Bhd.

No. 27, Jalan Para U8/103,
Metropolitan Business Park, Seksyen U8,
Bukit Jelutong, 40150, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Orang hubungan: Cik Carol Ng
(Penolong Pengurus – Systems Department)
HP: +6019-3389864
Tel: +603 78598023 ext. 181
Faks: +603 78598020/21
E-mel: carol.ng@tuv.com

Badan Pensijilan Bertauliah RSPO

PT TUV Rheinland Indonesia

Menara Karya 10th Floor
Jl. H.R. Rasuna Said Block X-5 Kav 1-2
Jakarta 12950
Orang hubungan: Pn. Dian Susanti Soeminta
(Pengurus Program RSPO)
Tel : +62 (0)21 – 579 44 579
Faks : +62 (0)21 – 579 44 575
E-meil : Dian.Soeminta@tuv.com
Laman web: www.tuv.com

Syarikat yang diaudit

Sime Darby Plantation - SOU 23: Ulu Remis

P.O. Box 107, 81850 Layang-Layang, Johor,
Malaysia
Orang hubungan: Ms. Lee Swee Yin
(AVP II, Sustainability Unit, PSQM)
HP: +60 136210913
E-mel: lee.swee.yin@simedarby.com

Yang benar,



Dian S. Soeminta
Sustainability Assurance
Pengurus Besar
(Pengurus Program RSPO)
PT TUV Rheinland Indonesia